



DASAR KESELAMATAN PERLINDUNGAN

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) beritizam untuk mengekalkan persekitaran kerja yang selamat dan kondusif melalui pelaksanaan Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017). MAIDAM komited untuk menayakan dasar tersebut dengan:

1. Memastikan pelantikan Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ), Penolong Pegawai Keselamatan (PPKJ) dan menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan (JKP) yang bertanggungjawab terhadap pematuhan Arahan Keselamatan Kerajaan;
2. Memastikan aspek keselamatan fizikal dipatuhi berasaskan kepada prinsip "Defence-in-Depth" yang bertujuan bagi mencegah, mengesan, melengahkan dan mengambil tindakan supaya persekitaran tempat kerja yang selamat diwujudkan;
3. Memastikan kawalan dan perlindungan ke atas keselamatan dokumen, maklumat serta bahan rahsia rasmi tidak dikompromi dan mencegah akses tanpa kebenaran serta membantu penyiasatan terhadap sebarang ketirisan maklumat rahsia rasmi;
4. Memastikan kawalan keselamatan rahsia rasmi dalam persekitaran ICT diwujudkan, dilaksanakan, dikawal, dinilai dan dibuat penambahbaikan secara berterusan bagi menjamin objektif Dasar Keselamatan ICT MAIDAM dan sistem penyampaian perkhidmatan tercapai;
5. Memastikan langkah-langkah keselamatan peribadi dipatuhi sepenuhnya supaya warga MAIDAM, komuniti keselamatan dan mana-mana pihak lain yang berurusan dengan perkhidmatan awam sentiasa mempunyai kesedaran untuk melindungi rahsia rasmi dan perkara rasmi undang-undang, dasar dan peraturan Kerajaan yang ditetapkan; dan
6. Memastikan pengurusan kesinambungan perkhidmatan keselamatan perlindungan yang holistik bagi mengekalkan ketersediaan perkhidmatan apabila berlaku sebarang gangguan (disruption) dan fungsi normal segera dibaik pulih dalam tempoh masa yang ditetapkan.

(PROF. MADYA DR. AHMAD AZRIN BIN ADNAN)
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU

TARIKH : 1 April 2024